# RESTORS ORAL POWDER (LEMON LIME FLAVOUR)

Sodium Chloride / Sodium Citrate / Potassium Chloride / Dextrose Anhydrous (520mg / 580mg / 300mg / 2700mg bagi setiap sachet)

**Apakah yang ada pada risalah ini**


1. Apakah kegunaan Restors Oral Powder
2. Bagaimana Restors Oral Powder berfungsi
3. Sebelum menggunakan Restors Oral Powder
4. Cara menggunakan Restors Oral Powder
5. Semasa menggunakan Restors Oral Powder
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Restors Oral Powder
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemas kini RiMUP


**Apakah kegunaan Restors Oral Powder**

Restors Oral Powder digunakan untuk menggantikan cecair dan elektrolit yang hilang serta mencegah dehidrasi (kehilangan air berlebihan daripada tubuh) akibat cirit-birit, dan muntah.

**Bagaimana Restors Oral Powder berfungsi**

Restors Oral Powder mengandungi bahan-bahan yang berfungsi bersama untuk menghidrat semula badan dengan menggantikan semula cecair dan elektrolit yang hilang serta membekalkan sumber tenaga.

**Sebelum menggunakan Restors Oral Powder**

- *Bila tidak boleh mengambil*

  Jangan ambil Restors Oral Powder jika anda mempunyai alahan terhadap mana-mana bahan yang terkandung dalam ubat ini (disenaraikan dalam Maklumat lanjut)

  Ubat ini tidak boleh diambil jika:
  - anda mempunyai masalah kesukaran membuang air kecil atau sebarang masalah buah pinggang yang teruk
  - terdapat halangan atau tersumbat pada sistem pencernaan
  - badan anda tidak dapat menyerap gula tertentu

- *Sebelum mengambil Restors Oral Powder*

  Sebelum mengambil ubat ini, beritahu doktor anda jika anda mempunyai:
  - masalah jantung atau buah pinggang
  - tekanan darah tinggi
  - bengkak pada kaki atau tangan atau paru-paru
  - komplikasi kehamilan yang dipanggil *toxemia* (menyebabkan tekanan darah meningkat secara berterusan)

  *Mengandung dan menyusukan anak*

  Ubat ini boleh digunakan semasa mengandung dan menyusukan bayi.

  Namun begitu, sila dapatkan nasihat doktor atau ahli farmasi anda jika anda hamil, merancang untuk hamil atau menyusukan bayi sebelum menggunakan sebarang ubat.

- *Jika mengambil ubat-ubat lain*

  Maklumkan kepada doktor atau ahli farmasi anda sebelum mengambil ubat ini, termasuk apa-apa ubat yang anda dapatkan tanpa preskripsi dari farmasi, pasar raya atau kedai makanan kesihatan anda.

**Cara menggunakan Restors Oral Powder**

Ambil Restors Oral Powder seperti yang diberitahu oleh doktor atau ahli farmasi anda.

Arahan penggunaan:

1. Larutkan satu paket dalam 200ml air minuman dan kacau sehingga larut kesemua serbuk.
2. Ambil secara oral.
3. Air yang digunakan hendaklah tepat sebanyak 200ml; jangan ubah jumlah air yang digunakan.

- *Berapa banyak harus diambil*

  Ikuti semua arahan yang diberikan oleh doktor dan ahli farmasi anda dengan berhati-hati. Mereka mungkin berbeza daripada maklumat yang terkandung dalam risalah ini. Jika anda tidak memahami arahan pada label, tanya doktor atau ahli farmasi anda untuk mendapatkan bantuan.

  Dehidrasi Ringan hingga Sederhana:

  Bayi (sehingga 1 tahun): Doktor anda akan menentukan dos yang perlu diberikan kepada bayi anda. Untuk bayi, pastikan guna air yang direbus dan kemudian disejukkan.

  Kanak-kanak: Larutkan dan beri 1 paket setiap kali cirit atau muntah

  Dewasa: Larutkan dan ambil 1 hingga 2 paket setiap kali cirit atau muntah.

- *Bila perlu diambil*

  Ambil ubat setiap kali cirit atau muntah atau seperti yang diarahkan oleh doktor atau ahli farmasi anda.

- *Berapa lama perlu diambil*

  Ambil ubat ini mengikut tempoh masa yang ditetapkan oleh doktor atau ahli farmasi anda.

- *Jika anda terlupa mengambil*

  Ambil dos yang tertinggal sebaik sahaja anda teringat. Sekiranya sudah hampir masa untuk dos seterusnya, abaikan dos yang tertinggal dan kemudian teruskan mengambil ubat mengikut jadual seperti biasa. Jangan ambil dos berganda untuk menggantikan dos yang tertinggal.

- *Jika mengambil secara berlebihan (terlebih dos)*

  Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat, jika anda fikir dos berlebihan telah digunakan. Lakukan ini walaupun tiada tanda-tanda ketidakselesaan atau keracunan. Anda mungkin memerlukan rawatan perubatan segera.

  Dextrose berlebihan boleh menyebabkan loya dan muntah; berlebihan natrium boleh menyebabkan gejala seperti lemah, dahaga, lidah bengkak, pening, dan lebih teruk boleh menyebabkan gejala seperti kecelaruan atau bernafas dengan lebih mendalam; kalium klorida berlebihan boleh menyebabkan gejala seperti kesemutan, kekeliruan, kelemahan otot dan masalah jantung yang boleh mengancam nyawa.

**Semasa menggunakan Restors Oral Powder**

- *Perkara yang perlu dilakukan*

  Maklumkan kepada semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda sedang menggunakan Restors Oral Powder.

  Dapatkan nasihat doktor jika cirit-birit berterusan lebih daripada:
  - 6 jam pada bayi di bawah 6 bulan.

# RESTORS ORAL POWDER (LEMON LIME FLAVOUR)

Sodium Chloride / Sodium Citrate / Potassium Chloride / Dextrose Anhydrous (520mg / 580mg / 300mg / 2700mg bagi setiap sachet)

- 12 jam pada kanak-kanak berumur 6 bulan hingga 3 tahun.
- 24 jam pada kanak-kanak berumur 3 hingga 6 tahun.
- 48 jam pada orang dewasa dan kanak-kanak berumur lebih 6 tahun.

Jumpa dengan doktor anda jika gejala anda bertambah teruk atau tidak bertambah baik. Doktor anda akan menilai keadaan anda dan memutuskan sama ada anda perlu meneruskan pengambilan ubat ini.

- *Perkara yang tidak boleh dilakukan*
  Jangan larutkan ubat ini dengan cecair selain air minuman..

  Jangan tambah gula atau pemanis ke dalam larutan.

  Jangan rebus larutan selepas ia disediakan.

  Jangan gunakan Restors Oral Powder untuk merawat keadaan lain melainkan diarahkan oleh doktor atau ahli farmasi..

  Jangan gunakan sebarang ubat baharu tanpa berunding dengan doktor atau ahli farmasi anda.

  Jangan beri Restors Oral Powder kepada sesiapa, walaupun mereka mempunyai simptom atau keadaan yang sama dengan anda.
- *Perkara yang perlu diberi perhatian*
  Untuk dehidrasi yang teruk, dapatkan rawatan perubatan dengan segera.

**Kesan-kesan sampingan**

Seperti ubat-ubatan lain, Restors Oral Powder boleh menyebabkan kesan sampingan, walaupun bukan semua orang akan mengalaminya.

Muntah boleh berlaku jika larutan diminum dengan terlalu cepat.

Jika muntah atau loya berlaku, teguk larutan sedikit-sedikit pada selang masa yang tetap. Tunggu kira-kira 10 minit selepas muntah sebelum meneruskan pengambilan larutan.

Jika anda mendapat sebarang kesan sampingan, walaupun yang tidak dinyatakan dalam risalah ini, beritahu doktor atau ahli farmasi anda.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui laman web npra.gov.my [*Consumers → Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)*].

**Cara penyimpanan dan pelupusan Restors Oral Powder**

- *Penyimpanan*
  - Simpan di bawah suhu 30°C.
  - Lindungi daripada cahaya dan kelembapan.
  - Simpan larutan yang disediakan di dalam peti sejuk dan buang sebarang larutan yang tidak digunakan selepas 24 jam.
  - Jauhi semua ubat daripada kanak-kanak.
- *Pelupusan*
  Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

**Maklumat lanjut**

- *Rupa dan warna produk*
  Serbuk berwarna putih dengan perisa limau dan menjadi larutan tidak berwarna apabila dilarutkan.
- *Bahan-bahan kandungan*
  - Bahan aktif
    Sodium Chloride, Sodium Citrate, Potassium Chloride, Dextrose Anhydrous.
  - Bahan tidak aktif
    Sucralose, Lime Juice Powder, Lemon Flavour Powder.
- *Nombor MAL*
  MAL08032211XZ

**Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk**

Winwa Medical Sdn. Bhd.
1952, Lorong I.K.S. Bukit Minyak 3,
Taman I.K.S. Bukit Minyak,
14000 Bukit Mertajam,
Pulau Pinang, Malaysia.

**Tarikh kemas kini RiMUP**

02/04/2026

**Nombor Siri**

NPRA(R4/1)210824/00111